

10 MAR 2000

Global-Pengetahuan

NEGARA-NEGARA MAJU MAHU KONGSI PENGALAMAN MENGENAI MASALAH SOSIAL

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Pelan Tindakan Perkongsian Pengetahuan Global bukan sahaja memanfaatkan negara-negara membangun dari segi pembiayaan malah membolehkan mereka untuk berkongsi pengalaman mengenai aspek-aspek sosial dengan negara-negara maju.

Presiden Mimos Berhad dan Ketua Pegawai Eksekutif, Dr Tengku Mohd Azzman Sharriffadeen, berkata terdapat banyak masalah di negara-negara maju dan sesetengah penyelesaian itu boleh ditemui di negara kurang maju.

"Sesetengah negara Utara juga menghadapi masalah. Ada peserta di sini memberitahu saya bahawa kita dapat mengatasi sesetengah masalah sosial yang mereka tidak dapat selesaikan," katanya kepada pemberita selepas menutup Persidangan Pengetahuan Global Kedua di sini, hari ini.

Mohd Azzman, yang juga setiausaha Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan, berkata negara-negara maju mahu berkongsi maklumat dengan negara-negara Asia mengenai cara menangani kumpulan minoriti, warga tua, kurang upaya, kanak-kanak dan wanita.

Perkongsian seperti itu akan membolehkan kedua-dua pihak mendapat manfaat dari segi membiayai program serta mempelajari dari satu sama lain mengenai cara menangani masalah sosial.

Selepas lima hari perbincangan oleh lebih 1,200 peserta dari 120 negara, sebanyak 17 pelan tindakan dirangka oleh persidangan antarabangsa itu bagi menangani masalah akses, pemberian kuasa dan pentadbiran.

Persidangan itu anjuran Kerajaan Malaysia dan Global Knowledge Partnership dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Isnin.

Lebih 12 pertubuhan dan individu telah bersetuju untuk melaksanakan setiap pelan tindakan itu, yang antara lain merancang untuk mewujudkan kewangan inovatif seperti dana modal usaha sama bagi membolehkan para pelabur memacu teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di negara mereka.

"Kita akan menjadi sebahagian daripada perkongsian global, bukan sahaja berkongsi idea tetapi juga program, pembiayaan dan sumber manusia," kata Tengku Mohd Azzman.

Beliau berkata Malaysia mempunyai persekitaran yang sesuai untuk menarik para cendekiawan bekerja di negara ini dan membantu mengatasi kekurangan kepakaran dalam ICT di negara ini.

"Dunia masa depan adalah mengenai persaingan berdasarkan kebijaksanaan. Oleh itu, kita perlu meningkatkan sistem pendidikan kita," katanya.

-- BERNAMA

AR NAK